

Lampiran Penerangan Produk

Chubb Premises Pollution Liability II Insurance

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk [Brosur Sistem Perlindungan Mंगाat Takaful dan Insurans PIDM](#) atau hubungi [Chubb Insurance Malaysia Berhad](#) atau PIDM (lawati www.pidm.gov.my).

Pelanggan sekalian,

Lampiran Penerangan Produk (Lampiran) ini direka untuk memberi anda maklumat utama mengenai polisi Chubb Premises Pollution Liability II Insurance ini.

Pelanggan lain telah membaca Lampiran ini dan mendapati ia berguna; **Anda juga patut membacanya.**

1. Apakah Chubb Premises Pollution Liability II Insurance?

Polisi ini direka untuk menyediakan perlindungan terhadap kehilangan atau kerosakan yang terjadi akibat pencemaran di lokasi yang diinsuranskan. Ini termasuk insiden pencemaran beransur, dan juga secara tiba-tiba.

2. Ketahui Perlindungan Anda

Anda akan menerima **perlindungan** berikut:

Polisi ini melindungi:	Polisi ini mengecualikan:
Kehilangan atau kerosakan akibat: <ul style="list-style-type: none"> • Kecederaan diri, kerosakan harta atau kos pemulihan* untuk tuntutan daripada, tetapi tidak terhad kepada agensi kerajaan untuk pencemaran yang berpunca dari lokasi yang diinsuranskan (kos pemulihan pihak pertama & ketiga) • Kecederaan diri, kerosakan harta atau kos pemulihan* yang terjadi akibat keadaan pencemaran yang disebabkan oleh pengangkutan sisa atau produk • Perbelanjaan pembelaan undang-undang untuk sebarang tuntutan yang dilindungi di bawah polisi. *Kos pemulihan ialah perbelanjaan yang munasabah yang ditanggung untuk menyiasat, mengurangkan atau meneutralkan keadaan pencemaran, termasuk kos undang-undang dan penggantian.	<ul style="list-style-type: none"> • Asbestos • Liabiliti Kontrak • Liabiliti Majikan • Perbelanjaan dalaman untuk perkhidmatan yang dilakukan oleh kakitangan bergaji dan mana-mana pekerja • Pencemaran akibat penggunaan, penyelenggaraan kereta, pesawat atau pengangkutan lain. • Perang atau keganasan
Senarai perlindungan dan pengecualian dalam jadual ini bukan menyeluruh . Sila baca polisi anda untuk senarai penuh terma dan syarat.	
Tempoh perlindungan ialah 12 bulan. Anda perlu memperbaharui polisi insurans anda setiap tahun.	

3. Ketahui Kewajipan Anda

Untuk polisi insurans ini dan sebarang perlindungan tambahan/pilihan yang diminta, jumlah premium yang tepat akan ditentukan berdasarkan pelbagai faktor, termasuk aktiviti perniagaan/skop kerja terperinci, tempoh polisi, anggaran perolehan tahunan, lokasi risiko, Had Liabiliti, sejarah kerugian dalam tempoh 5 tahun yang lalu.

Sila hubungi kami/perantara perkhidmatan anda untuk mendapatkan sebut harga.

Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:

Duti setem (jika berkenaan)	RM 10.00
Komisen (jika berkenaan)	Maksimum sehingga 25% daripada premium
Caj lain yang dikenakan	Cukai perkhidmatan 8%

4. Terma Utama Lain

- Kewajipan pendedahan anda
Sebelum kontrak polisi ini dimeterai, diubah atau diperbaharui, anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan kepada kami apa-apa perkara yang:
(a) Anda tahu relevan dengan keputusan kami sama ada untuk menerima risiko atau tidak serta kadar dan terma yang akan digunakan; atau
(b) Seseorang yang munasabah dalam keadaan itu dijangka akan mengetahui perkara yang relevan.
- Anda mesti memastikan bahawa terdapat Had Liabiliti yang sesuai diambil.
- Terdapat jumlah "Self-Insured Retention" yang perlu ditanggung oleh anda sebelum kami membayar tuntutan. Perkara ini dinyatakan dalam deklarasi polisi.
- Polisi ini tertakluk kepada waranti premium 60 hari, iaitu premium yang perlu dibayar mesti dibayar dan diterima oleh Penanggung Insurans dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan polisi. Jika gagal, polisi dibatalkan secara automatik dan enam puluh (60) hari premium prorata akan dibayar kepada Penanggung Insurans.
- Sekiranya berlaku sebarang kejadian yang mungkin menimbulkan tuntutan, anda hendaklah memberikan notis bertulis kepada kami mengenai tuntutan tersebut secepat mungkin selepas anda mengetahuinya.

Nota: Senarai ini **bukan menyeluruh**. Sila baca polisi anda untuk terma dan syarat penuh.

5. Bolehkah saya membatalkan Polisi saya?

Ya. Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Selepas pembatalan, anda berhak menerima bayaran balik prorata premium untuk Tempoh Polisi yang belum tamat, tertakluk kepada terma dan syarat polisi.

Jika terdapat apa-apa percanggahan di antara versi Bahasa Melayu dengan versi Bahasa Inggeris Lampiran Penerangan Produk ini, maka versi Bahasa Inggeris hendaklah digunakan.

Jika Anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai produk insurans Anda, Anda boleh:
Hubungi Kami di: 603-2058 3000
Lawati Kami di: <https://www.chubb.com/my-en/contact-us/product-enquiry.html>
E-mel Kami di: Inquiries.MY@chubb.com